Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KEPERLUAN MAKANAN HALALAN TAYYIBAN DALAM KALANGAN PENGGUNA BELIA MUSLIM

DETERMINANTS FACTORS THAT INFLUENCE THE NECESSITY NEEDS FOR HALALAN TAYYIBAN FOOD OF YOUNG MUSLIM CONSUMER

Nadiah Rus Liyana Rusli[1]

[1] Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia, (E-mail: nrusliyana@gmail.com)

Article history
Received date : 11-5-2020
Revised date : 12-5-2020
Accepted date : 3-7-2020
Published date : 15-7-2020

To cite this document:
Nadiah Rus Liyana Rusli (2020). Faktor-Faktor Mempengaruhi Keperluan Makanan Halalan Tayyiban Dalam Kalangan Pengguna Belia Muslim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30), 32 - 39.

Abstrak: *Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang berupaya untuk mempengaruhi pengguna belia Muslim Malaysia terhadap keperluan makanan halalan tayyiban. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan melalui persampelan rawak mudah dan sejumlah 100 orang belia terlibat sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahawa faktor penentu pemilihan iaitu kefahaman halal dan tabiat pemakanan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keperluan untuk mendapatkan makanan halalan tayyiban. Faktor dominon yang didapati mempunyai hubungan yang kuat terhadap keperluan untuk mendapatkan makanan halalan tayyiban adalah faktor kefahaman halal. Manakala faktor kefahaman tayyiban dilihat tidak memberi pengaruh kepada pengguna belia Muslim untuk mendapatkan makanan halalan tayyiban.*

Kata Kunci: *Keperluan Makanan Halalan Tayyiban, Pengguna Muslim, Faktor Penentu Pemilihan*

Abstract: *This research is attempted to identify the factors that influence the Young Muslim consumer in Malaysia towards the halalan tayyiban food as a necessity need. This research is a quantitative research that undergoes the sample random sampling method and 100 youngster's Muslim consumers was involved as the respondent of the research. Finding of the research found that the determinant factor of understanding in halal and food habit have a significant relationship toward the necessity needs for halalan tayyiban food. The dominant factor that was identified to have a strong relationship towards the necessity for halalan tayyiban food is the factor of understanding in halal. On the hand, the factor of understanding in tayyiban does not influence the Young Muslim consumer to have the halalan tayyiban food as the necessity needs.*

Keywords: *Necessity needs for halalan tayyiban food, Muslim consumer, Determinant factors*

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Pengenalan

Halalan tayyiban merupakan sebuah konsep yang kini giat diaplikasikan dalam aktiviti pengurusan, pengeluaran dan pemprosesan sesebuah industri. Konsep halalan tayyiban bukan sahaja di gunakan dalam industri makanan, malahan konsep ini juga amat dititikberatkan dalam industri-industri lain seperti kosmetik dan barangan peribadi, famaseutikal, logistik dan lain-lain lagi. Manakala dari perspektif pengguna, konsep halalan tayyiban ini membawa banyak kebaikan dan kepentingan dalam kehidupan seharian. Terdahulu, Islam telah menekankan umatnya untuk mencari dan mendapatkan makanan yang halal dan tayyib.

Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan mengetengahkan tiga faktor yang menjadi penentu kepada pemilihan makanan halalan tayyiban. Faktor-faktor yang terlibat adalah terdiri daripada faktor kefahaman halal, kefahaman tayyiban dan tabiat pemakanan pengguna Muslim. Walaupun terdapat kajian lepas yang telah dilakukan berkenaan dengan faktor ini, namun penggunaan faktor-faktor tersebut dalam tujuan untuk mengkaji pemilihan pengguna Muslim dalam makanan halalan tayyiban terutamanya tidak lagi dilakukan. Setelah dikenalpasti masalah kepada kajian ini, maka terdapat beberapa persoalan kajian yang terbentuk. Pertama, bagaimanakah faktor kefahaman halal dapat mempengaruhi pengguna Muslim untuk memilih makanan halalan tayyiban? Kedua, diantara faktor-faktor yang telah diketengahkan, faktor yang manakah yang paling dominan dalam mempengaruhi pengguna Muslim untuk memilih makanan halalan tayyiban?

Terdapat dua tujuan utama kajian ini dilakukan. Pertama, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji samada faktor kefahaman halal, kefahaman tayyiban dan tabiat pemakanan mampu mempengaruhi pengguna Muslim untuk memilih makanan halalan tayyiban. Kedua, kajian ini dilakukan untuk melihat faktor dominan yang mempengaruhi pengguna Muslim untuk memilih makanan halalan tayyiban.

Justeru, kajian ini akan meneliti faktor-faktor yang telah dikenalpasti mampu mempengaruhi pengguna belia Muslim belia di Malaysia dengan berasaskan kepada pengukuran kefahaman halal, kefahaman tayyiban dan tabiat pemakanan. Pentingnya dilihat kajian ini dibincangkan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna Muslim pada masa kini dan dapat membantu masyarakat Islam untuk memahami pengertian sebenar konsep halalan tayyiban dalam aspek makanan.

Konsep Halalan Tayyiban

Nurdeng Deuraseh (2019) menjelaskan keperluan memilih makanan halalan tayyiban dalam kehidupan dapat meningkatkan ketaqwaan dan keimanan seseorang individu Muslim terhadap Allah SWT. Dengan pengambilan makanan halalan tayyiban, pengguna Muslim bukan sahaja dapat menjaga kesihatan diri malahan pengguna Muslim juga dapat memperolehi keberkatan dalam kehidupan. Selain itu, matlamat kejadian seseorang individu Muslim juga adalah untuk menjadi khalifah Allah SWT. Oleh itu, dengan mengambil makanan halalan tayyiban, pengguna Muslim memperolehi jaminan fizikal, emosi dan spiritual yang cemerlang. Hikmah lain yang dapat diperolehi dengan mengamalkan makanan halalan tayyiban adalah seluruh manusia di muka bumi memperolehi jaminan keselamatan dan kesejahteraan dalam menjalani kehidupan di dunia.

Menurut Yusuf al-Qardawiy (2002), halal sesuatu yang telah diharuskan hukumnya dan terlepas daripada sebarang simpulan bahaya yang bermakna secara tersuratnya perbuatannya adalah dibenarkan oleh syarak. Makanan yang halal dan baik adalah makanan yang halal,

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

memberikan kebaikan, dan mengandungi kandungan vitamin yang bertujuan untuk menjaga kesihatan manusia (Akmal Mohd Zain, 2004). Al-Tabari (1958) mendefinisikan "tayyiban" sebagai suci, tidak najis dan tidak diharamkan. Ibn Kathir (1365H) pula menjelaskan "tayyiban" membawa makna sebagai zat makanan tersebut adalah baik iaitu tidak membahayakan tubuh badan dan akal. Menurut Bujang et. al (2018), makanan halal adalah makanan yang dibenarkan oleh syarak manakala tayyib pula meliputi makanan yang bersih, berkualiti, bernutrisi dan selamat untuk diambil.

Raihana Mohd Raffi dan Quamrul Hasan (2019) pula menjelaskan halal bermaksud dibenarkan syarak dan tayyiban pula merupakan nilai tambah pematuhan bukan shariah kepada sesebuah produk. Tambahan itu, Raihana Mohd Raffi dan Quamrul Hasan (2019) turut menjelaskan bahawa produk dan barangan halal haruslah mematuhi keperluan Syariah iaitu bebas daripada sebarangan unsur terlarang seperti yang telah ditekankan oleh al-Quran. Hikmah kepada larangan ini adalah kerana unsur bahaya ini boleh mengundang penyakit dan kemudaratan kepada kesihatan dan fizikal seseorang.

Manakala Saadan Man dan Zainal Abidin Yahya (2014) pula menjelaskan makanan yang baik haruslah suci, berkhasiat, memberi tenaga kepada manusia dan melengkapi diet yang diperlukan oleh seseorang individu. Jika salah satu aspek ini dikurangkan maka ia mampu memberi kemudaratan kepada mana-mana bahagian anggota badan. Secara khususnya, makanan halalan tayyiban adalah makanan yang terjamin akan kebersihannya, kesuciaannya, berkhasiat dan tidak memberi kemudaratan kepada diri apabila mengamalkannya.

Islam bukan sahaja menitik beratkan isu halal dan haram malah Islam juga amat mementingkan isu kebaikan kepada diri dan orang lain. Oleh itu, jika apa yang dilakukan dikhuatiri memberi kemudaratan kepada diri mahupun orang lain, maka hal ini perlu dijauhi. Menurut Halal Industry Development Corporation (2013), seseorang Muslim yang mengamalkan konsep halalan tayyiban bukan sahaja mementingkan status halal sesebuah makanan, malahan aspek keselamatan, kebersihan, bernutrisi dan berkualiti turut ditekankan. Dalam soal pemakanan kumpulan makanan yang diambil itu samada makanan segera mahupun makanan tradisional namun jika ini makanan ini mampu mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan diri maka wajiblah dijauhi. Untuk memastikan pengambilan makanan dalam kehidupan seharian adalah bersifat halal dan tayyib (baik), terdapat beberapa ciri yang telah digariskan oleh pengkaji lepas untuk dijadikan sebagai panduan. Menurut Noor Azlin Ismail (2016) terdapat sembilan ciri-ciri yang telah digariskan untuk memastikan produk dan makanan yang diambil adalah halal dan tayyib (baik). Ciri-ciri tersebut adalah seperti yang berikut;

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com



Rajah 2
Sumber: Noor Azlin Ismail (2016)

Berdasarkan rajah diatas, terdapat sembilan ciri-ciri yang telah digariskan dan boleh dijadikan panduan dalam memastikan pengambilan makanan dan produk adalah *halalan tayyiban*.

Ciri yang pertama untuk memastikan pengambilan makanan dan minuman yang *halalan tayyiban* ialah halal zatnya. Halal zatnya yang dimaksudkan ini adalah segala jenis makanan dan minuman yang ada di dunia ini selain daripada apa yang telah jelas tentang pengharamannya oleh Allah SWT. Contohnya perkara yang telah jelas pengharamannya adalah khinzir, bangkai, arak dan lain-lain lagi. Ciri yang kedua pula adalah makanan dan minuman yang diambil tidak mengandungi bahan atau ramuan yang haram. Hal ini kerana, makanan yang halal seharusnya bersih dari segi rupa, bau dan zatnya. Hal ini dapat ditegaskan apabila Islam melarang umatnya memakan makanan yang bersumberkan sesuatu yang kotor dan memudaratkan.

Ciri yang ketiga yang digariskan sebagai makanan dan minuman *halalan tayyiban* adalah bersih dan suci. Bersih dan suci yang dimaksudkan adalah dengan memastikan sumber makanan dan minuman yang diambil adalah bebas daripada najis dan perkara yang boleh merosakkan kesuciannya. Ciri yang keempat pula adalah berkhasiat. Makanan dan minuman yang *halalan* tayyiban haruslah mengandungi khasiat-khasiat dan nutrien yang tinggi memberi kebaikan kepada tubuh badan. Lengkap dengan vitamin, protein dan sumber mineral yang diperlukan anggota badan. Makanan yang bersifat halal dan tayyib seharusnya tidak memberi kesan negatif kepada diri seperti tidak mengandungi kandungan kimia yang boleh memberi kemudaratan kepada tubuh badan. Ciri yang seterusnya adalah makanan dan minuman seharusnya seimbang dalam sifat makanan dan kandungan zatnya. Ini bermaksud makanan tersebut seharusnya mengandungi gizi yang cukup dan seimbang serta sesuai dengan keperluan yang diperlukan oleh tubuh badan seseorang itu.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Ciri yang ketujuh yang telah digariskan oleh Noor Azlin Ismail (2016) adalah makanan *halalan tayyiban* seharusnya bersifat asli dan kurang diproses. Hal ini kerana, makanan yang asli dan kurang diproses mampu mengekalkan khasiat dan zat makanannya berbanding makanan yang telah melalui aktiviti pemprosesan. Ciri yang kelapan adalah diantara yang paling penting ialah sumber untuk memperolehi makanan tersebut adalah bersumberkan pencarian rezeki yang halal. Ciri yang terakhir adalah seluruh proses yang terlibat daripada bahan mentah hingga sampai ke tangan pengguna akhir adalah halal dan tidak syubhah. Hal ini bermaksud proses awal pengeluaran makanan atau produk sehingga pegakhirannya seharusnya bebas daripada perkara-perkara yang haram seperti najis.

Berdasarkan sembilan ciri-ciri yang telah dijelaskan, beberapa ciri-ciri diatas boleh diambil untuk dijadikan sebagai panduan dalam mendapatkan amalan pemakanan yang sihat dalam kehidupan. Ciri-ciri makanan dan minuman yang berkhasiat, simbang sifat makanan dan kandungan zatnya dan asli adalah diantara ciri-ciri *halalan tayyiban* yang harus ditekankan dalam mendapatkan aktiviti pengambilan pemakanan yang sihat sebagai seorang individu Muslim.

Makanan dan Pengguna Muslim

Makanan didefinisikan sebagai bahan yang digunakan dan dimakan yang bertujuan untuk melancarkan fungsinya (Phuah, 2006). Makanan diperlukan untuk menghasilkan tenaga bagi mengekalkan suhu badan, membina, dan menjaga kesempurnaan tisu badan, pembiakan serta membekalkan keperluan untuk melaksanakan proses dalam badan (Saadan Man & Zainal Abidin Yahya, 2014). Keperluan mengambil makanan bukan sahaja terhad kepada untuk memenuhi rasa keseronokan mahupun keperluan nafsu semata, tetapi makanan adalah bertujuan untuk memelihara kehidupan seseorang untuk melaksanakan ibadah kepada Allah SWT dalam keadaan yang sihat dan mempunyai kekuatan fizikal yang memberi keupayaan kepada manusia untuk melaksanakan tanggungjawab dalam kehidupan (Nurdeng Deuraseh, 2019). Oleh itu, Islam menjelaskan untuk mendapatkan fizikal yang sihat dan kekuatan dalaman yang baik, pengguna Muslim haruslah mengamalkan pengambilan makanan halalan tayyiban (Nurdeng Deuraseh, 2019).

Di Malaysia, sangat mudah bagi pengguna Muslim untuk mendapatkan makanan halal. Hal ini kerana industri makanan khususnya merasakan konsep halal dan keperluan logo halal adalah merupakan satu langkah terbaik bagi meningkatkan jumlah keuntungan organisasi. Pengaplikasian konsep halalan tayyiban dan kesungguhan untuk mendapatkan sijil halal ini adalah kerana terdapat permintaan yang tinggi dari pengguna Muslim yang mementingkan keperluan untuk memilih produk dan barangan halal.

Permintaan yang tinggi terhadap produk dan barangan halal ini dapat dilihat terutamanya dalam produk makanan. Hal ini kerana Islam telah menekankan kewajipan kepada umatnya untuk mencari makanan yang halal dan tayyib. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah berikut;

> *"Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata"*
>
> (*Al-Baqarah*, 2: 168)

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Rajah 1 dibawah menunjukkan beberapa faktor penentu pemilihan yang mampu mempengaruhi pengguna Muslim untuk menjadikan makanan halalan tayyiban sebagai satu keperluan. Kajian yang dilakukan oleh Sutono (2015) melihat pengaruh kefahaman dan sikap pengguna Muslim terhadap keperluan untuk mendapatkan produk yang mengamalkan konsep halalan tayyiban.Hasil kajian tersebut mendapati pengaruh kefahaman halal, kefahaman tayyiban dan sikap berupaya menjadi penentu kepada pemilihan pengguna Muslim terhadap barangan halalan tayyiban.

Kajian yang dilakukan oleh Adreina Fara, Sri Rahayu Hijrah Hati dan Sri Dayanti (2016) berkisarkan tentang kefahaman pengguna Muslim terhadap niat memilih restoran halal. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap pengguna Muslim, didapati kefahaman memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pengguna Muslim berniat untuk memilih restoran halal. Tambahnya lagi sijil halal yang terpapar di dalam sesebuah restoran telah menjadi salah satu sebab utama pengguna Muslim memilih restoran halal tersebut.

Tabiat pemakanan pengguna Muslim di Malaysia dipengaruhi oleh budaya serta pengaruh agama Islam yang menjadi panduan dan rujukan oleh masyarakat Muslim setempat (Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin, 2017). Kajian yang dilakukan oleh Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin (2017) mendapati pengaruh budaya dan tradisi yang berkait dengan kepercayaan, adat, agama, pantang larang serta faktor geografi dan iklim dilihat memberi kesan dan pengaruh kepada tabiat pemakanan sesebuah penduduk.



Rajah 1

Metod Kajian

Kajian ini akan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science (SPSS) Version 22*. Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 orang responden merupakan pengguna belia Muslim yang mempunyai purata umur diantara 18-30 tahun. Pemilihan responden adalah dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Individu terpilih mempunyai ciri-ciri seperti menetap di Kedah dan berlatar belakangkan agama Islam. Negeri Kedah dipilih kerana mempunyai majoriti penduduknya yang terdiri daripada pengguna Muslim. Belia Muslim dipilih di dalam kajian ini kerana belia muslim dikatakan mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan aspek halal (Norkhazzaina Salahuddin et. al, 2018). Instrumen kajian pula diadaptasikan daripada kajian-kajian terdahulu dengan mengikut kepada kesesuaian kajian.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 32 - 39]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Merujuk kepada hasil dapatan ujian multikolineariti jelas menunjukkan bahawa kesemua faktor penentu menunjukkan toleransi dan VIF. Berdasarkan jadual 1 dapat dilihat bahawa faktor tabiat pemakanan mempunyai nilai toleransi yang tertinggi iaitu diantara nilai 0.00 sehingga 10. Manakala bagi nilai VIF, faktor kefahaman tayyiban pula menghasilkan nilai yang tertinggi iaitu 2.168 iaitu diantara nilai 0.00 sehingga 5.

Jadual 1 : Dapatan Ujian Multikolineariti

Faktor-Faktor Penentu	Analisis Multikolineariti	
	Toleransi	VIF
Kefahaman Halal	0.531	1.882
Kefahaman Tayyiban	0.461	2.168
Tabiat Pemakanan	0.780	1.282

Jadual 2: Dapatan Ujian Regresi

Model	R	R^2	Adjusted R^2	F	B	beta	t	Sig
Constant	0.364[a]	0.132	0.105	4.877	24.523		3.093	0.003
Kefahaman Halal					0.453	0.261	2.000	0.048
Kefahaman Tayyiban					-0.063	-0.041	-0.296	0.768
Tabiat Pemakanan					0.372	0.222	2.060	0.042

Hasil dapatan bagi ujian regresi pada jadual 2.0 menunjukkan bahawa faktor penentu kefahaman halal dan tabiat pemakanan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keperluan untuk memilih makanan halalan tayyiban. Kedua-kedua faktor penentu tersebut memperlihatkan kesignifikanannya bawah 5 peratus. Manakala faktor kefahaman tayyiban tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keperluan untuk memilih makanan halalan tayyiban. Berdasarkan ujian regresi tersebut didapati faktor kefahaman halal mempunyai hubungan yang kuat terhadap keperluan untuk memilih makanan halalan tayyiban. Hal ini boleh dilihat berdasarkan nilai beta yang tertinggi iaitu sebanyak 0.261. Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman yang mendalam terhadap kepentingan untuk mendapatkan produk dan barangan halal mampu mempengaruhi pengguna Muslim dalam menjadikan makanan halalan tayyiban sebagai satu keperluan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di bahagian dapatan, didapati faktor kefahaman halal menjadi faktor dominan yang mempengaruhi pengguna Muslim untuk mendapatkan makanan halalan tayyiban sebagai satu keperluan hidup. Ini bermaksud kefahaman yang jelas berkenaan dengan perihal halal berupaya mempengaruhi pengguna Muslim untuk mendapatkan makanan halalan tayyiban sebagai keperluan dalam kehidupan. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ini, dicadangkan bahawa pihak berwajib haruslah menggunakan pendekatan melalui capaian teknologi seperti pendekatan *social media influencers* (SMIs) dan penggunaan aplikasi yang dapat memberi kemudahan kepada pengguna belia Muslim untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkenaan dengan konsep halalan tayyiban khususnya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Adreina Fara, Sri Rahayu Hijrah Hati & Sri Dayanti (2016). Understanding Halal Restaurant Patronage Intention: The Role of Perceptuin, Culture and Religiosity. *The European Proceeding of Social & Behavioral Science*, 177-188.

Akmal Mohd Zain. (2004). *Halal dan Haram Dalam Kehidupan*. Selangor: Al-Hidayah Publishers.

Al-Tabari (1958). Jam'i al-Bayan fi Ta'wil Ay min al-Quran, ed. Mahmud Muhammad Shakir dan Ahmad Muhammad Shakir, Mesir: Dar al-Ma'rifah.

Bujang, A., Noor, Z.M. & Abdullah, N. (2018). An Overview Of Toyyib Aspect Of Halal Food Production In Meat And Meat Products.*Proceedings Of The 3rd International Halal Conference (Inhac 2016), Springer*, 467-478.

Halal Industry Development Corporation (HDC) (2013). Halalan Toyyiban.

Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar (2014). HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *Jurnal Kanun. 1*, 103-120.

Ibnu Kathir (1365H). Tafsir al-Quran al-'Azim, Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah

Lada, S., Harvey Tanakinjal, G., & Amin, H. (2009). Predicting Intention To Choose Halal Products Using Theory Of Reasoned Action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 2*(1): 66-76

Nor Norkhazzaina Salahuddin, Normalisa Md Isa, Maisarah Ahmad, Shahrin Saad & Nurul Riddhaina Salahuddin (2019). Literasi Konsep Halal: Perbandingan Antara Belia Muslim Dengan Belia Bukan Islam. *Jurnal Pengguna*.84-102

Noor Azlin Ismail (2016). *Mengapa Makanan Halal*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Sdn Bhd.

Nurdeng Deuraseh (2019). Halalan Tayyiban Products In Al-Qur'an: The Conceptual Framework In Developing Contemporary Halal Industrial Products For Global Reach. *1st International Halal Conference & Exhibition.* 315-325

Phuah, K. E. (2006). *Pemakanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raihana Mohd Raffi dan Quamrul Hasan (2019). Food Quality and Safety in Japan: Exploring Ḥalāl an Tayyiban Aspect. *Global Journal al-Thaqafah*.29-37

Saadan Man & Zainal Abidin Yahya (2014). *Halalkah Makanan Kita*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.

Shaari, J.A.N., & Mohd Arifin, N.S. (2010). Dimension Of Halal Purchase Intention: A Preliminary Study. *International Review of Business Research Papers*, *6* (4), 444–456.

Sutono (2015). *Understanding Of The Halalan Tayyiban Concept Towards Purchase Intention Of Halal Cosmetics Among Young Urban Muslim Consumers. In: UPM - SAGE Publications Young Writer's Award 2015 Papers.* Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor,214-235. ISBN ; EISBN: 9789673446414

Yusuf al-Qardawiy. (2002). *Al-Halal wa al-Haram fi Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah